

**KAMAR HAKIM BESAR MALAYA
MAHKAMAH PERSEKUTUAN
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD
JALAN RAJA
50506 KUALA LUMPUR**

Bil. Kami: (7)dlm.JK/MA 248 JLD.III

Tarikh : 1 April 1995

Y.A. Hakim-Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman,
Mahkamah Tinggi Malaya.

Semua Hakim,
Mahkamah Sesyen Semenanjung.

Semua Majistret,
Mahkamah Majistret Semenanjung.

Pekeliling Hakim Besar Malaya 2/95

Alasan Penghakiman

Telah sampai ke pengetahuan saya ada di antara Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret Mahkamah Majistret yang bertindak meminta atau mengarahkan peguam yang terlibat di dalam kes bicara di hadapan Hakim atau Majistret tersebut menyediakan alasan penghakiman bertulis untuk digunapakai sebagai alasan penghakimannya sendiri. Adalah ditegaskan bahawa amalan yang seperti ini adalah salah dan hendaklah dihentikan.

Sehubungan dengan ini saya ingin merujuk kepada kes PT Anekapangan Dwitama v. Far East Food Industries Sdn. Bhd. (1995)1 AMR 479 yang menyetuh perkara tersebut. Y.A. Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret Mahkamah Majistret adalah dengan ini diarah supaya tidak menggunakan kes ini sebagai contoh panduan rujukan sandaran atau autoriti di dalam menyediakan alasan penghakiman.

Adalah juga diarahkan bahawa Y.A. Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret Mahkamah Majistret hendaklah menyediakan sendiri alasan penghakimannya. Walau bagaimanapun Y.A. Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi bolehlah menggunakan khidmat Timbalan Pendaftar masing-masing untuk membantu menjalankan penyelidikan bagi tujuan melengkapkan kajian untuk menyiapkan alasan tersebut.



(DATO' ~~H. ANUAR~~ BIN DATO' HJ. ZAINAL ABIDIN)
Hakim Besar Mälaya,
Mahkamah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara

Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak

Ketua Pendaftar,
Mahkamah Persekutuan.

3

Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Malaya.

Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.

Pustakawan,
Mahkamah Persekutuan.

AA/fz.
PEKHBM